



GARIS PANDUAN PENGUNAAN LOGO RASMI HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ UKM

1.0 PENGENALAN

- 1.1 Logo rasmi HCTM telah diluluskan dalam Mesyuarat Pengurusan Universiti Bil.12/2022 dan dilancarkan oleh DYMM Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir, Canselor UKM dalam Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Perak 25 Tahun HCTM dan Wad Tuanku Canselor pada 18 Oktober 2022.
- 1.2 Penggunaan Logo ini juga sesuai dengan saranan pihak Bahagian Governan IPTA (BGA) Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) Kementerian PengajianTinggi (KPT) agar semua Hospital Pengajar mempunyai logo sendiri.
- 1.3 Selain itu, logo ini juga sebagai usaha penjenamaan dan meningkatkan imej hospital sebagai hospital pengajar yang memberikan perkhidmatan yang berkualiti dan cemerlang seiring dengan slogan "*Better, Faster, & Friendlier*".

2.0 OBJEKTIF

- 2.1 Meningkatkan mutu produktiviti dan citra grafik menerusi penyeragaman rekaan dalam urusan pentadbiran penerbitan, dan promosi di HCTM;
- 2.2 Memastikan penggunaan logo pada semua bahan yang dihasilkan melibatkan HCTM sama ada dalam bentuk cetakan atau digital.
- 2.3 Sebagai panduan dan rujukan berkaitan penggunaan logo, warna dan rupa taip bagi memudahkan Jabatan/Pusat/Unit melaksanakan program.

TERHAD

- 2.4 Memelihara nama baik, imej, kredibiliti dan reputasi HCTM melalui penggunaan logo yang betul dan tersusun.

3.0 LOGO RASMI DAN RASIONAL

- 3.1 Ini adalah Logo Rasmi HCTM dan ia tidak boleh dipapar atau dicetak secara berasingan kecuali sekiranya ada keperluan lain atas kehendak Universiti:



- 3.2 Rasional rekaan berkonsepkan rantaian serta *logotype* iaitu akronim HCTM merujuk kepada nama Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM);
- 3.3 Rantaian genetik dalam keadaan menegak bermaksud kecekapan, profesionalisme dan iltizam Warga HCTM dalam memberikan perkhidmatan;
- 3.4 Biru, Kuning, Merah dan Hitam adalah Warna Rasmi UKM;
- 3.5 Warna Merah pada jalur rantaian genetik melambangkan ketangkasan, keberanian serta semangat teguh Warga HCTM;
- 3.6 Warna Biru melambangkan korporat; dan
- 3.7 Warna Kuning melambangkan kecemerlangan dalam merealisasikan Visi dan Misi HCTM.

4.0 VARIASI LOGO

- 4.1 Beberapa variasi logo disediakan untuk disesuaikan dalam rekabentuk grafik yang menggunakan pelbagai warna latar.
- 4.2 Berikut adalah beberapa contoh pilihan logo dengan latar belakang yang sesuai. Padanan warna perlu mengikut kreativiti masing-masing dalam memastikan logo tidak tenggelam:

TERHAD



Latar Putih



Hitam & Putih



Latar Biru



Latar Merah



Mono Colour



Latar Hitam



Garisan

TERHAD

5.0 PANDUAN PENGGUNAAN

5.1 Jabatan/Pusat/Unit perlu mematuhi panduan penggunaan seperti berikut:

JENIS BAHAN	PANDUAN	PENGGUNAAN LOGO
Surat Rasmi	a) Tiada penggunaan Logo HCTM b) Hanya Logo UKM c) Logo Sambutan 25 Tahun digunakan seperti Panduan (Pekeliling Pengarah Bil. 3/2022 bertarikh 4 Februari 2022)	
Kertas Kerja/Laporan/ Minit Mesyuarat	a) Tiada penggunaan Logo HCTM. b) Hanya Logo UKM digunakan (jika perlu)	
Borang (Dokumen Kualiti), Borang Klinikal, Kulit Buku, Sijil, Cenderahati	Logo HCTM	
Poster, Backdrop, Bunting, Banner atau bahan hebahan/ publisiti lain	Logo UKM dan Logo Watan Kita berserta Logo HCTM	
Pakaian Seragam/ Baju Korporat	Logo UKM	

TERHAD

T-Shirt Sempena Program	Logo HCTM	
Media Sosial/Laman Web/Papan Digital /Video/Slaid Pembentangan	a) Logo UKM dan Logo Watan Kita berserta Logo HCTM b) Logo Sambutan 25 Tahun di bahagian bawah	 

- 5.2 Penggunaan logo HCTM bagi program kerjasama dengan pihak luar adalah dibenarkan.
- 5.3 Logo rasmi HCTM TIDAK DIBENARKAN bagi tujuan komersial, kutipan sumbangan dan dana termasuk sebarang aktiviti yang bermotifkan keuntungan KECUALI dengan kebenaran bertulis daripada HCTM.
- 5.4 Jabatan/Pusat/Unit disarankan menggunakan khidmat nasihat Jabatan Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan daripada segi panduan serta khidmat Jabatan Multimedia dan Penyiaran HCTM daripada segi rekabentuk bagi memastikan penggunaan logo mengikut Garis Panduan dan hasil yang berkualiti.
- 5.5 Penganjur program wajib bertanggungjawab sepenuhnya bagi memastikan penganjuran program yang menggunakan logo HCTM tidak menyalahi undang-undang, bertentangan dan tidak konsisten dengan reputasi, imej dan matlamatnya yang boleh menjejaskan imej HCTM dan UKM.
- 5.6 Penganjur program disarankan untuk mendapatkan logo berkualiti melalui laman web Jabatan Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan.

TERHAD

- 5.7 Sekiranya ada penglibatan dan kerjasama pihak luar dalam *Poster, Backdrop, Bunting, Banner* atau bahan hebahan/publisiti lain, logo pihak berkenaan diletakkan pada kanan logo HCTM. Susunan selepas logo HCTM adalah mengikut keutamaan, contohnya logo Kementerian/Universiti Awam/Organisasi Luar/Pusat Tanggungjawab dan sebagainya. Contoh susunan logo dengan penganjur bersama adalah seperti berikut:



- 5.8 Contoh kedudukan tiga (3) atau ganjil bilangan penganjur.




- 5.9 Contoh kedudukan empat (4) atau genap bilangan penganjur.



- 5.10 Contoh kedudukan penganjur yang melibatkan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT).



- 5.11 Selain itu, logo-logo juga boleh dirumpunkan mengikut kategori dan diletakkan berasingan daripada logo penganjur utama (HCTM). Pengasingan ini adalah untuk mengelakkan terlalu banyak logo di sebelah logo penganjur utama. Contoh rekaletak logo pada poster adalah seperti berikut:



- 5.12 Kategori lain yang boleh digunakan seperti 'Penganjur Bersama', 'Dengan Kerjasama', 'Penaja Utama'. Reka letak rumpunan logo ini adalah mengikut kreativiti pereka grafik.
- 5.13 Penggunaan logo Jubli Perak HCTM boleh terus digunakan sehingga 30 Jun 2023 namun reka letak logo tersebut tidak perlu seiring dengan logo HCTM, sebaliknya diletakkan dibahagian bawah atau lokasi yang dirasakan sesuai dan tidak menonjol lebih daripada logo UKM dan HCTM.



6.0 CAPAIAN LOGO

Logo rasmi HCTM boleh dicapai melalui laman sesawang Jabatan Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan: <https://hctm.ukm.my/jkkip/>

7.0 PENAFIAN

HCTM tidak bertanggungjawab ke atas sebarang bentuk kerugian, secara langsung atau tidak langsung, yang berkaitan atau khusus, turutan atau exemplary, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian berbentuk kehilangan keuntungan, kepercayaan atau kerugian tak ketara yang lain akibat daripada penggunaan logo HCTM.

Disediakan oleh:

Jabatan Komunikasi Korporat dan Khidmat Pelanggan
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM (HCTM UKM)

Diluluskan oleh:

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan HCTM Bil. 28/2022 bertarikh 8 November 2022

TERHAD

CONTOH BAHAN HEBAHAN



TERHAD

UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
NARATIF BARU DAN WAWASAN KITA
HCTM
HOSPITAL CANSOLOR TUANKU MUHRIZ

Selamat Menyambut Hari
PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN

“PPK Cemerlang, Kerjaya Gemilang”

1 November 2022

HCTM 25
1997-2022

Daripada **Pengurusan & Warga**
Hospital Canselor Tuanku Muhriz, UKM

YouTube Facebook Twitter Instagram LinkedIn | Better . Faster . Friendlier | www.hctm.ukm.my